

14 JAN 1998  
Megat-Harga  
KABINET TOLAK TUNTUTAN NAIKKAN LAGI HARGA BARANGAN

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Mesyuarat mingguan kabinet hari ini menolak tuntutan para pengimport gula dan tepung serta penternak ayam yang mahukan harga barangan itu dinaikkan lagi dengan alasan kos yang terpaksa mereka tanggung pada masa ini terlalu tinggi berikutan penyusutan nilai ringgit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata, keputusan itu bermakna harga gula dan tepung kekal pada kadar yang telah dipersetujui untuk dinaikkan mulai 1 Feb manakala harga ayam pula kekal pada paras yang telah dinaikkan mulai 10 Dis lepas.

"Buat masa ini kabinet merayu supaya tolonglah jangan bincang pasal kenaikan harga. Janganlah, tolonglah ada perasaan bertanggungjawab sedikit terhadap negara dan rakyat," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kementerian itu di sini.

Pada 10 Dis lepas, Megat Junid telah mengumumkan bahawa harga ladang bagi ayam dinaikkan sebanyak 15 sen sekilogram berkuatkuasa serta merta manakala harga gula, tepung dan susu pekat manis pula dinaikkan antara 10 sen dan 25 mulai 1 Feb ini.

Pengumuman itu bermakna harga ladang bagi ayam kini RM3.05 sekilogram manakala mulai 1 Feb pula harga susu pekat manis ialah RM1.60 bagi satu tin 397 gram (naik 10 sen), harga tepung RM1.20 sekilogram (naik 20 sen) dan harga gula RM1.45 sekilogram (naik 25 sen).

Bagaimanapun, Megat Junid berkata, para penternak ayam kini memohon supaya harga ladang dinaikkan sebanyak 35 sen lagi sekilogram, pengeluar tepung pula mahukan kenaikan tambahan sebanyak 10 sen sekilogram manakala pengimport gula meminta kenaikan tambahan yang sewajarnya.

Beliau berkata mereka memberikan alasan bahawa penetapan harga baru yang diumumkannya pada 10 Dis lepas adalah berdasarkan nilai ringgit sebanyak RM3.10 bersamaan AS\$1 sedangkan pada masa ini nilainya telah susut jauh lebih banyak. Ringgit hari ini ditutup pada paras RM4.28 berbanding AS\$1.

"Kita terpaksa kata tolonglah, ni nak dekat perayaan ni janganlah sebut pasal kenaikan harga. Kita minta pengimport gula, tepung dan perternak ayam supaya bersabarlah," katanya.

Megat Junid berkata, kementerian itu hanya bersedia untuk membincangkan permohonan mereka selepas perayaan berkembar ini tetapi keputusan muktamad akan dibuat oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya sama ada kementerian itu masih yakin barangan perlu tetap mencukupi untuk perayaan berkembar ini, beliau berkata : "Kalau semua jujur, tak ada yang nak sabotaj, tak ada yang nak tunjuk marah, nak bunuh anak ayam ke, nak buang gula dan tepung dalam laut ke, saya ingat bekalan cukup".

Mengenai cadangan untuk menghentikan pengimportan barangan yang tidak popular, Megat Junid berkata, beliau telah memberi masa selama dua minggu kepada persatuan-persatuan peruncit untuk mengemukakan senarai barangan yang dijual di negara ini, termasuk jumlah kandungan bahan tempatan dan luar negara di dalam barangan itu.

Beliau berkata, berdasarkan senarai itu kelak kerajaan akan dapat menentukan barangan yang tidak lagi perlu diimport atau mengimportnya dari negara yang kadar pertukaran asingnya lebih murah. -- BERNAMA

AH NMO